

Hadapi masalah emosi angkara isu nafkah selepas cerai

➔ Penguatkuasaan lemah punca ibu tunggal tanggung beban sara anak

Oleh **Norhatina Shuib**
hatina@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Ramai ibu tunggal terpaksa menanggung beban emosi, selain perlu menyediakan keperluan menyara anak berikutan sikap lepas tangan bekas suami culas melunaskan nafkah selepas bercerai.

Ada ibu tunggal terpaksa menanggung nafkah anak seumur hidup, malah puluhan tahun akibat kedegilan, keegoan dan sikap tidak bertanggungjawab bekas suami.

Itulah antara situasi dilalui ibu tunggal, Nur Eiklah Tulha yang berhadapan dengan sikap bekas suami lepas tangan dan beliau terpaksa menyara sendiri dua anaknya yang berusia tiga dan empat tahun, selepas bercerai pada 2007.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Wanita Tunggal (WATIM), berkata, sepanjang bercerai semua kelengkapan menyediakan tempat tinggal, persekolahan dan sara hi-

dup anak ditanggungnya seorang diri.

Katanya, beliau melakukan kerja sampingan untuk menyara anak untuk menambah pendapatan selain bekerja tetap sebagai perunding latihan di sebuah syarikat swasta.

Keluarga bantu ringan beban kewangan

Ketika itu mujurlah beliau mendapat sokongan daripada orang sekeliling khususnya keluarga dan rakan, selain ibu bapa turut membantu meringankan bebanan dari segi kewangan.

"Pada awalnya, bekas suami ada beri sedikit nafkah ketika dia bekerja. Itupun selepas saya minta, jika diam dia langsung tidak ambil kisah. Keadaan lebih parah selepas dia tidak bekerja dan langsung tidak beri nafkah.

"Bagi saya, apa pun keadaannya bekas suami tidak seharusnya culas memberi nafkah," katanya mengulas cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr

70 peratus ibu tunggal sengsara mesti dibela

Batu Pahat: Kira-kira 70 peratus ibu tunggal di negara ini hidup sengsara selepas ditinggal bekas suami tanpa nafkah sehingga perlu mencari pekerjaan bagi membesarkan anak.

Susulan itu, Pengerusi Kebajikan Ibu Tunggal Ledang, Suraya Sulaiman, berkata cadangan kerajaan mengetatkan lagi peraturan berkaitan nafkah bagi mengekang lelaki atau suami culas melaksanakan tanggungjawab memang amat dinantikan.

Beliau berkata, cadangan itu juga diharapkan dapat disegerakan bagi membela nasib ibu tunggal yang sudah lama teraniaya.

Katanya, majoriti ibu tunggal yang dicerai atau ditinggal suami sebelum ini juga tidak pernah ada pengalaman bekerja.

"Namun, selepas ditinggal dan dicerai, mereka terpaksa mencari pekerjaan demi membesarkan anak walaupun dalam keadaan sengsara serta penuh keperluan.

Bekerja selepas bercerai

"Lebih 70 peratus ibu tunggal termasuk dalam persatuan ini memang tidak pernah bekerja, tetapi terpaksa bekerja selepas dicerai termasuk di kilang, restoran atau kedai makan bagi menampung kehidupan dan perbelanjaan anak.

"Senario ini sama di seluruh negara, malah kebanyakannya di kawasan luar bandar tidak tahu hak mereka sehingga ada yang tidak mendapat nafkah sehingga lebih 10 tahun kerana ditinggal begitu saja tanpa pembelaan.

"Apabila kerajaan membuat pengumuman mahu mengenakan sekatan bank ke atas lelaki tidak membayar nafkah anak atau bekas isteri mereka, ia seperti kemenangan kepada ibu tunggal teraniaya yang sudah lama menantikan pembelaan mereka," katanya ketika dihubungi NSTP, semalam.

➔ Hadapi masalah emosi angkara isu nafkah selepas cerai Ms.55

Khamis, 08.11.2018

Harga: RM1.50
Tel: 1 800 22 6787
P: 4470 2026/6666

BH
Berita Harian

ISU BEKAS SUAMI LIAT BAYAR NAFKAH
'SEKAT AKAUN BANK'

Kerajaan perinci penguatkuasaan keadilan syariah beri tumpuan kepada wanita dicerai dan tidak dapat pembelaan, termasuk cadangan mengenakan sekatan ke atas akaun bank milik lelaki yang culas bayar nafkah kepada bekas isteri

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mujaheed Yusof berkata perkara itu sudah dibincang di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) agar bekas suami menghormati perintah mahkamah bertubong tanggungjawab itu - Ms.S